

Surat Kami : 400-BBI(KK. 9/3)  
Tarikh : 18 Mei 2021

**Semua Rektor-Rektor UiTM Kampus Negeri**  
**Semua Penyelaras Kampus UiTM**  
**Semua Ketua Pejabat Bendahari**  
*UiTM Shah Alam / Kampus Negeri / Cawangan / Kampus Satelit*

**YBhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan,**

### **PENGUATKUASAAN SEPENUHNYA BUDAYA *CASHLESS CAMPUS* DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan hormatnya perkara di atas dan Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2020 Pelaksanaan Persekitaran Terimaan Tanpa Tunai (*e-Pembayaran / Cashless Payment*) Di Universiti Teknologi MARA adalah dirujuk.

2. Sebagaimana yang semua sedia maklum, kita masih berada dalam situasi mengekang penularan virus COVID-19 di negara ini. Malah beberapa negeri diletakkan di dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi kali ketiga mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 berikutan peningkatan statistik kes jangkitan yang ketara.
3. Antara usaha UiTM untuk meminimalkan risiko jangkitan dan mengekang penularan virus pandemik COVID-19 ini terutamanya di dalam kawasan kampus universiti adalah melalui amalan norma baharu dengan membudayakan sepenuhnya *Cashless Campus* seperti mana PB1/2020 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020 lalu.
4. Lanjutan kepada galakan pelaksanaan persekitaran terimaan tanpa tunai melalui surat kami bertarikh 25 Februari 2021 lalu, Pejabat Bendahari dengan ini memaklumkan penguatkuasaan sepenuhnya budaya *Cashless Campus* di seluruh sistem dan persekitaran Universiti Teknologi MARA mulai **1 Jun 2021**.
5. Oleh yang demikian, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Unit Kewangan Zon (UKZ) dan juga Kampus-kampus Cawangan / Negeri diminta memastikan medium sokongan budaya *cashless campus* adalah mencukupi. Sila berhubung dengan Jabatan Kewangan Korporat jika terdapat keperluan tambahan *cashless terminal* agar permohonan dan penempatan alatan tersebut dapat dilakukan dengan segera.

**PENGUATKUASAAN SEPENUHNYA BUDAYA *CASHLESS CAMPUS* DI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

6. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato’/Datuk/Tuan/Puan tuan seterusnya.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang menjalankan amanah,



**HAJI MAZLAN HASHIM**  
Bendahari

s.k. : En Wan Hasmadi Wan Mohamed  
Ketua Timbalan Bendahari  
Jabatan Kewangan Korporat  
Universiti Teknologi MARA